

## **DELINKUEN PELAJAR DAN CADANGAN PENYELESAIANNYA MENERUSI MODEL PEMBANGUNAN SAHSIAH REMAJA/ PELAJAR MUSLIM BERSEPADU**

(Students Delinquency and Proposed Solutions Through Teen Model of Conduct/  
Integrated Muslim Students)

<sup>1</sup> BUERAH TUNGGAK\*

<sup>2</sup> SHANAH NGADI

<sup>3</sup> HAMIMAH ABU NAIM

<sup>1</sup> Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

<sup>2</sup> Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Menteri Air Hitam, Batu Pahat, Johor.

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

---

### **ABSTRAK**

Kebelakangan ini, masalah gejala sosial dan keruntuhan akhlak masyarakat terutama generasi muda (termasuk golongan pelajar) semakin membimbangkan. Pelbagai jenis delinkuen sosial yang melibatkan pelajar bermula daripada salah laku yang ringan seperti datang lewat ke sekolah, ponteng kelas, ponteng sekolah, dan melanggar peraturan sekolah, diikuti salah laku sederhana seperti melawan guru, menghisap rokok, 'merempit', gengsterisme dan buli, sehinggalah kepada salah laku yang lebih berat seperti pergaulan seks bebas, mengandung, melahirkan anak luar nikah, pembuangan bayi, penagihan dadah, dan rogol dilaporkan hampir setiap hari dalam media massa. Oleh itu penulisan ini akan membincangkan sebab-sebab berlakunya delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah dan cara-cara membendung perlakuan tidak bermoral tersebut. Penulisan ini juga akan mengemukakan satu Model Pembangunan Sahsiah Pelajar/Remaja Muslim Bersepadu yang melibatkan peranan pelbagai pihak sebagai usaha pencegahan pada peringkat awal sebelum berlakunya salah laku sosial khususnya dalam kalangan pelajar menurut perspektif Islam.

**Kata kunci:** Delinkuen; keruntuhan akhlak; perlakuan tidak bermoral; perspektif Islam.

---

\*Corresponding author: Buerah Tunggak, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor; mel-e: buerah@utm.my  
Diserahkan: 14 Mei 2012  
Diterima: 13 Februari 2015  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0702-02>

## ABSTRACT

*Recently, the decline in the social and moral of society especially the younger generation (not exempt students) is a serious concern. Various types of social delinquency, which involve students from minor misconduct such as coming late to school, playing truant, and breaking school rules, followed by the medium of misconduct, for example, against teachers, smoking, 'fix' (illegal racing), gangsters and the act of bullying, to the more serious misconduct, for instance, free sex practice, unplanned pregnancy, illegitimate child, child abandonment, drug abuse, and sexual assault are reported almost daily in the mass media. Therefore, this article is intended to discuss the causes of delinquency among school students and the solutions to curb this problem. This work will propose the Model of Student Personality Development/ Integrated Youth Muslim which involves the role of various parties as an early preventive measure before the occurrence of social misconduct, particularly students, from an Islamic perspective.*

**Keywords:** *Delinquency; collapse of morals; immoral behaviour; Islamic perspective.*

## PENGENALAN

Delinkuen dalam kalangan pelajar merupakan antara satu isu yang sering mendapat perhatian semua golongan. Masalah ini bukan sahaja berlaku di negara Malaysia, malahan keadaan ini juga berlaku di seluruh dunia sama ada di negara maju, membangun mahupun mundur. Delinkuen dicirikan oleh perlakuan melanggar peraturan-peraturan sekolah, norma-norma masyarakat yang mencerminkan kemerosotan akhlak remaja. Oleh yang demikian, akhlak merupakan perkara penting yang akan menentukan corak dan penampilan individu dalam semua aspek kehidupannya. Penampilan gaya hidup yang sihat dan sejahtera akan terhasil daripada ketinggian akhlak dan keperibadian seseorang insan. Rasulullah SAW menegaskan dalam sebuah hadis;

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده

Terjemahannya: “Seseorang Muslim itu ialah apabila beliau melakukan sesuatu perkara maka selamat dan sejahtera saudara-saudara Islamnya yang lain daripada lidah dan kedua tangannya”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Terjemahan Hadith Sahih Bukhari. Jilid 1, 11 & 111, Kitab Iman, Bab orang Islam itu ialah apabila orang Islam lain selamat daripada ucapan lisannya dan perbuatan tangannya.)

Elemen penting ini merupakan perkara yang seharusnya diberikan perhatian utama. Oleh itu, dalam membincangkan isu ini, semua peringkat golongan terlibat.

Antara golongan yang terlibat ialah para remaja yang rata-ratanya ialah pelajar sekolah. Golongan ini merupakan kumpulan yang amat penting sebagai aset negara yang sangat berharga. Dalam hal ini kita memetik kata-kata al-Qaradawi (1997) yang menjelaskan:

“Khazanah negara yang paling berharga bukanlah emas perak, bukanlah hasil mahsul, tetapi kekayaan yang paling bernilai adalah manusia. Sebaik-baik anugerah daripada manusia ialah zaman belianya. Zaman belia adalah zaman kekuatan di antara kelemahan. Kelemahan zaman kanak-kanak dan zaman tua. Zaman belia adalah zaman yang paling gemilang bagi setiap orang. Zaman belia adalah zaman produktif, zaman membangun dan membina. Ianya satu anugerah Tuhan yang amat berharga”.

Pandangan yang dikemukakan oleh beliau merupakan pandangan yang amat jelas sebagai menggambarkan kebimbangannya jika pada masa akan datang berlakunya kemunculan belia-belia yang daif dan lemah.

Pada hari ini, isu keruntuhan akhlak atau istilah lain delinkuen dalam kalangan generasi muda sentiasa mendapat liputan media dan menjadi perbualan orang ramai. Harian Metro bertarikh 11 Disember 2013 melaporkan seramai 108,650 daripada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dengan delinkuen di sekolah tahun lalu. Daripada jumlah tersebut, isu ponteng sekolah merupakan penyumbang terbesar salah laku disiplin iaitu 18,550 pelajar. Sementara kes-kes disiplin lain yang dicatatkan oleh kementerian Pendidikan ialah memukul, bergaduh dan tidak menjaga kekemasan diri. Walaupun jumlah pelajar yang terlibat delinkuen melibatkan peratusan yang rendah, sekiranya tidak diberi perhatian serius, ia boleh menjadi masalah lebih serius pada masa akan datang.

Sebenarnya gejala salah laku ini berpunca daripada banyak faktor yang sifatnya saling berkaitan antara satu sama lain. Ini mungkin berpunca daripada diri remaja itu sendiri, keluarga, teman sebaya, institusi, media massa dan persekitaran yang lebih meluas. Tanggungjawab menangani masalah delinkuen dalam kalangan pelajar harus dipikul secara bersama. Guru, ibu bapa, Jabatan Pendidikan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama, media massa, para ilmuwan dan seluruh anggota masyarakat harus melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* bagi mengekang gejala ini.

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi juga turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam membentuk moral dan tingkah laku generasi muda. Pelbagai tafsiran atau label yang boleh diberikan kepada remaja-remaja yang bertingkah laku sedemikian. Bagi

remaja yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku *devian* dan apabila golongan ini merupakan mereka yang masih bersekolah atau remaja bawah umur, mereka dikenali sebagai *delinquent*. Secara umumnya, *devian* atau *delinquent* adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau bertingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat.

Walaupun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku dan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Antara masalah yang begitu ketara ialah masalah yang berkaitan dengan tingkah laku *devian* dan *delinkuen* dalam kalangan pelajar remaja. Menurut KPM (2013), seperti yang dilaporkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, sepuluh jenis tingkah laku jenayah dalam kalangan murid menengah dan rendah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok.

JADUAL 1 Bilangan Kes Disiplin Murid Menengah dan Rendah 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia

Bil	Kesalahan Tingkah Laku Jenayah	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah		Jumlah Murid Terlibat	%	% Enrolment Nasional
		Murid Terlibat	%	Murid Terlibat	%			
1	Berunsur jenayah	5971	20.70	8350	10.66	14321	13.36	0.27
2	Berunsur kelucahan	1064	3.69	2714	3.46	3778	3.52	0.07
3	Kekemasan diri	3082	10.69	10844	13.84	13926	12.99	0.26
4	Tidak pentingkan masa	2225	7.71	8178	10.44	10403	9.71	0.20
5	Kurang sopan	3794	13.15	11613	14.82	15407	14.37	0.29
6	Laku Musnah	1717	5.95	1913	2.44	3630	3.39	0.07
7	Ponteng Sekolah	5935	20.58	11408	14.56	17343	16.18	0.33
8	Kenalan	2114	7.33	7812	9.97	9926	9.26	0.19
9	Buli	2005	6.95	2154	2.75	4159	3.88	0.08
10	Rokok	935	3.25	13362	17.05	14298	13.34	0.27
	<b>JUMLAH</b>	<b>28843</b>	<b>100</b>	<b>78348</b>	<b>100</b>	<b>107191</b>	<b>100</b>	<b>2.03</b>
		26.92%		73.09%				

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2013)

Statistik menunjukkan gejala ponteng sekolah (16.18%) melibatkan 17343 orang pelajar merupakan tingkah laku delinkuen tertinggi diikuti perlakuan kurang sopan (14.37%) membabitkan 15407 orang pelajar dan tingkah laku berunsur jenayah (13.36%) membabitkan 14321 orang pelajar.

## **Latar Belakang**

Menurut Mohd Abdul Kadir (1997), keruntuhan nilai sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru. Ia dikatakan menular dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada awal tahun 1960-an, namun tahap peningkatan gejala keruntuhan nilai sosial ini semakin berleluasa pada akhir tahun 1980-an hingga 1990-an sehinggalah ke hari ini. Keadaan ini amat membimbangkan kerana kebanyakan mereka yang terlibat dengan gejala ini ialah golongan remaja yang merupakan aset penting masa hadapan negara, bertepatan dengan pepatah Melayu, 'Pemuda tiang negara, pemuda harapan bangsa'. Nilai-nilai kemanusiaan dan prinsip moral semakin terhakis dan menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat ekoran perubahan dan pembangunan pesat yang tidak seimbang dengan lahiriah dan batiniah dewasa ini. Perkara ini ialah hasil fenomena sosial yang berlaku dalam kalangan remaja yang akhirnya merupakan sesuatu yang membimbangkan semua pihak dan mencabar kewibawaan generasi akan datang.

Remaja merupakan golongan yang melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal iaitu perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa. Pelbagai fenomena yang ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan para remaja menghadapi tekanan bersifat memberontak yang merupakan antara faktor pemangkin kepada timbulnya pelbagai masalah disiplin di sekolah khususnya. Golongan remaja merupakan penggalas tanggungjawab dan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pengekalan institusi-institusi dan sistem-sistem kemasyarakatan negara. Pendek kata untuk merealisasikan misi dan visi ke arah mencapai Wawasan 2020, remaja merupakan generasi penyambung dan penentu pembangunan negara yang progresif dan dinamik, namun begitu para remaja tidak dapat lari daripada masalah dan tingkah laku negatif.

Memang tidak dinafikan bahawa terdapat banyak faktor yang diketengahkan sebagai penyumbang kepada berlakunya masalah sosial. Kajian al-Qurtubi (1967) dalam kitabnya *al-Jami li Ahkām al-Quran* mendapati bahawa masalah sosial terutamanya dalam kalangan golongan muda adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti suasana persekitaran rumah yang tidak berkualiti, kurang aman, sunyi, dan membosankan, konflik dan penceraian antara ibu bapa, interaksi yang renggang antara ibu bapa dengan anak, dan kurang kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa yang sibuk bekerja. Jelaslah bahawa kerapuhan dan keruntuhan institusi keluarga merupakan faktor penyumbang utama kepada kegawatan sosial yang semakin meningkat.

Makalah ini membincangkan sebab-sebab berlakunya delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah dan cara-cara membendung perlakuan tidak bermoral tersebut. Penulis mengemukakan satu Model Pembangunan Sahsiah Pelajar/Remaja Muslim Bersepadu yang melibatkan peranan pelbagai pihak sebagai usaha pencegahan pada peringkat awal daripada berlakunya salah laku sosial atau delinkuen, khususnya dalam kalangan pelajar menurut perspektif Islam.

## **FAKTOR-FAKTOR DELINKUEN**

Pelbagai faktor telah dikenal pasti menyebabkan delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah. Berasaskan banyak kajian dan pengalaman penulis sendiri terdapat beberapa faktor berlakunya delinkuen dalam kalangan pelajar. Antaranya yang utama ialah sikap pelajar itu sendiri, faktor latar belakang keluarga, rakan sebaya, pengaruh media massa dan persekitaran. Faktor-faktor tersebut berhubung kait antara satu sama lain dan tidak harus dilihat sebagai faktor yang terpisah antara satu sama lain.

### **Sikap Pelajar**

Sikap malas dan tidak berminat untuk belajar adalah antara punca utama pelajar terlibat dalam delinkuen bermula daripada tahap ringan seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, bergaduh dan melawan guru. Sikap suka ponteng kelas dan ponteng sekolah boleh mendorong pelajar lepak di pasar raya, mengunjungi *cyber cafe*, serta berkawan dengan rakan-rakan yang tidak bersekolah. Kebiasaan mengamalkan salah laku yang ringan akhirnya boleh menjerumuskan pelajar kepada tingkah laku yang lebih berat seperti menghisap rokok dan terlibat dalam gejala menghisap dadah, mencuri dan melakukan pelbagai salah laku yang lain.

Kajian mendapati bahawa kegagalan pelajar dalam bidang akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen iaitu pelajar yang mengalami masalah delinkuen mendapat pencapaian rendah dalam pelajaran mereka. Pelajar-pelajar berprestasi rendah adalah disebabkan mereka sering melakukan kesalahan disiplin, justeru mereka tidak dapat memberi tumpuan atau kurang memberi tumpuan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 2010).

Selain itu, pelajar yang selalu gagal menghadiri kelas atau sekolah juga mungkin akan terbantu pertumbuhan intelektualnya atau keupayaan intelektualnya tidak membangun. Kemungkinan mereka akan gagal dalam membina kemahiran diri yang boleh digunakan pada masa hadapan. Tambahan pula ponteng sekolah selalunya merupakan langkah pertama untuk dibuang sekolah (<http://www.yadim.com.my>). Walau bagaimanapun sikap pelajar boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain terutamanya faktor latar belakang keluarga yang akan diuraikan dalam bahagian seterusnya.

## **Latar Belakang Keluarga**

Faktor sosial dan ekonomi keluarga memainkan peranan penting menyebabkan pelajar terjebak dalam delinkuen. Antara faktor latar belakang keluarga yang dikenal pasti penyebab delinkuen ialah kurang didikan agama, kepincangan keluarga akibat bapa kaki judi, bapa berpoligami dan mencuaikan tanggungjawab keluarga, perceraian ibu bapa, kurang komunikasi antara anak dengan ibu bapa, kurang kasih sayang, kejahilan terhadap ajaran agama, kurang kawalan daripada ibu bapa, dan kemiskinan keluarga.

Punca utama menyebabkan seseorang remaja itu terlibat dalam delinkuen sosial ialah kerana mereka tidak mendapat pendidikan agama yang sewajarnya. Perkara-perkara asas agama seperti mendirikan solat lima waktu dan amalan membaca al-Quran di samping perhatian dan kasih sayang ibu bapa dapat membendung remaja daripada keinginan mendapatkan keseronokan di luar rumah yang boleh menjerumuskan mereka melakukan pelbagai gejala sosial. Hal ini kerana faktor utama yang boleh menyekat seseorang daripada melakukan kejahatan ialah iman yang membolehkan seseorang itu takut akan Allah. Dengan iman, seseorang itu akan sentiasa berada dalam kawalan Allah, justeru menyebabkan segala tindak-tanduk mereka mempunyai sempadan yang tidak boleh dilangkai.

Anak-anak yang tidak mempunyai didikan agama lumrahnya lahir daripada keluarga yang tidak mementingkan hal agama dan memilih untuk tidak mempraktikkan ajaran agama. Hal ini terjadi kerana keluarga itu sendiri tidak memahami keperluan agama. Keadaan menjadi lebih buruk apabila ketua keluarga, terutama ayah dan ibu, lebih menumpukan perhatian menghabiskan tenaga untuk mencari nafkah, ataupun bukan semata-mata mencari nafkah tetapi tidak mengambil berat tentang anak-anak mereka. Akibat daripada sikap ibu bapa seperti ini, menyebabkan anak-anak akan lebih cenderung dipengaruhi oleh pengaruh sekeliling seperti teman-teman sebaya dan persekitaran mereka. Anak-anak seperti ini merasakan bahawa diri mereka mengalami kekosongan hidup yang mesti dipenuhi, yang wujud pada diri setiap orang, iaitu kasih sayang.

Oleh sebab tidak mendapat kasih sayang di rumah, mereka terdorong mencari sesuatu untuk memenuhi kekosongan tersebut dan kekosongan itu hanya diperoleh di luar rumah. Apabila perasaan seumpama ini timbul dan sekatan meninggalkan rumah itu tidak jelas, maka anak-anak yang meningkat remaja tadi bersama teman sebaya yang mungkin mempunyai latar belakang yang sama akan keluar dari rumah pada masa-masa mereka berkesempatan berbuat demikian, biarpun tujuan asalnya hanya untuk bersuka-suka. Mereka keluar dari rumah mungkin dengan teman-teman sekolah, dengan anak-anak jiran sebelah rumah, jiran sekampung dan sebagainya.

Peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak. Kebanyakan ibu bapa kini bekerja kerana wujudnya perubahan sosial yang berlaku. Keperluan untuk

hidup dalam keadaan yang lebih selesa ditambah dengan kos hidup yang semakin meningkat memaksa kedua-dua suami dan isteri bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga. Ada kalanya mereka terlalu mementingkan pekerjaan sehingga kurang memberi perhatian terhadap anak-anak. Mereka cuba memuaskan hati anak-anak dengan hanya memberikan keselesaan dan kemewahan material tanpa kasih sayang dan masa untuk bersama anak-anak. Golongan ibu bapa seperti ini lupa bahawa anak-anak juga memerlukan perhatian, kasih sayang dan pendidikan agama. Anak-anak yang berasa terbiar tanpa kasih sayang dan jagaan sempurna akan dengan mudah bercampur dengan rakan sebaya yang sudah sedia bermasalah dan akhirnya menimbulkan pelbagai masalah disiplin kepada pihak sekolah.

Terdapat juga ibu bapa yang tidak menghiraukan masalah disiplin anak-anak mereka walaupun setelah pihak sekolah memberitahu tentang masalah disiplin anak-anak mereka di sekolah. Akibatnya anak-anak ini mengambil peluang daripada sikap acuh tidak acuh ibu bapa mereka untuk bertindak lebih buruk lagi di dalam dan di luar sekolah.

Kajian Badruzaman (2006), mendapati keruntuhan institusi keluarga adalah punca utama kepada peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja di peringkat umur persekolahan rendah dan menengah. Ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mencorakkan masa hadapan kehidupan anak-anak mereka. Mereka tidak boleh menyerahkan proses pendidikan anak-anak kepada pihak sekolah dan guru sepenuhnya. Perlu diingat, seorang guru hanya dapat meluangkan masa selama lima hingga tujuh jam seminggu bersama-sama pelajar. Di sesetengah sekolah guru juga terpaksa mengawasi sesebuah bilik darjah yang bilangan pelajaranya menjangkau 40 hingga 50 orang. Hal ini menyebabkan guru menghadapi kesukaran dalam melakukan perhubungan *interpersonal* dengan setiap pelajar di dalam kelas yang diajar.

Berdasarkan pengalaman penulis sebagai seorang guru yang mengajar di beberapa buah sekolah di daerah Batu pahat Johor melebihi dua puluh tahun di mana bilangan guru yang tidak mencukupi di kebanyakan sekolah harian lokasi bandar, pinggir bandar dan luar bandar mengakibatkan bilangan kelas yang besar antara 40 hingga 50 orang pelajar dalam satu kelas. Terdapat juga ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak sehinggakan sanggup menuruti segala kemahuan anak-anak mereka. Ibu bapa seperti ini lebih senang mengunjungi sekolah apabila mendengar cerita anak mereka dirotan oleh guru. Sebilangan besar daripada golongan ibu bapa ini datang ke sekolah dan menyalahkan peraturan sekolah dan guru-guru kerana telah menghukum anak mereka. Sikap ibu bapa yang seumpama ini bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah, malah akan merumitkan lagi masalah pelajar-pelajar tersebut. Jika anak mereka tidak dapat membezakan antara baik dan buruk, jadi ibu bapa sepatutnya membimbing anak mereka dan bukannya menambahkan kesalahan anak mereka. Sebahagian besar daripada pelajar yang bermasalah disiplin dan



bertingkah laku delinkuen terdiri daripada pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang mendapat pendidikan agama. Perkara ini berlaku kerana ibu bapa mereka sendiri tidak mengamalkan suruhan agama, bercakap dengan anak-anak dengan bahasa yang kasar dan kesat, selalu bertengkar serta tidak mengamalkan tingkah laku sihat yang boleh menjadi contoh teladan kepada anak-anak mereka. Akibatnya anak-anak ini membawa sikap buruk tersebut ke sekolah dan bercakap serta bertindak ganas terhadap rakan-rakan malah sesetengahnya melawan guru. Keadaan ini bukan sahaja boleh menimbulkan masalah disiplin di sekolah, malah menjadi punca kepada masalah salah laku yang lebih berat. Kajian Azizi Yahaya et.al. (2009) mendapati faktor keluarga merupakan penyumbang penting kepada proses sosialisasi remaja yang menentukan sikap, nilai dan sistem kepercayaan diterapkan dalam minda remaja serta menjadi medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli dalam institusi tersebut. Oleh itu kajian tersebut menyarankan pemantapan institusi keluarga sebagai jalan penyelesaian kepada pelbagai tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja/pelajar. Sementara kajian Husin Junoh (2011) juga berpandangan kurang didikan agama sebagai punca kepada masalah akhlak remaja. Akibatnya berlakunya masalah sosial seperti merokok, seks bebas, penyalahgunaan dadah, buli dan gengsterisme sebagai manifestasi daripada kegagalan institusi kekeluargaan memahami dan melaksanakan ajaran Islam.

### **Rakan Sebaya**

Rakan sebaya merupakan remaja yang sama umur ataupun remaja yang mempunyai paras kematangan yang sama. Pada peringkat umur remaja, rakan sebaya memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang remaja. Mereka berpengaruh dalam membentuk akhlak dan peribadi remaja. Hal ini kerana masa remaja adalah merupakan masa peralihan antara zaman kanak-kanak dengan zaman kedewasaan dalam kehidupan seseorang, justeru rakan sebaya menjadi sumber paling kuat dalam mengubah nilai dan sikap, sementara pengaruh keluarga semakin berkurang (Azizi Yahaya et. al 2009).

Pengaruh rakan sebaya signifikan dalam mempengaruhi remaja untuk menyertai kegiatan mereka. Sebagai remaja, semangat ingin mencuba sesuatu perkara dan mudah rasa tercabar menyebabkan mereka mudah terjebak dalam kegiatan salah laku dan keruntuhan moral. Menurut kajian Suseladevy a/p Muthusamy (2004) pengaruh rakan sebaya adalah ejen sosialisasi dan merupakan komponen yang signifikan (95.2 peratus) terhadap individu yang membawa kepada tingkah laku ponteng kelas dan ponteng sekolah. Selain itu, hubungan rapat, bilangan kawan yang menjadi 'klik' dan kelompok, menetapkan norma-norma dan berkongsi pemikiran juga turut mempengaruhi tingkah laku remaja. Asmah dan Zulekha (2004), dalam Zakiyah Jamaluddin (2008) faktor rakan sebaya adalah paling dominan diikuti oleh perasaan suka mencuba, melepaskan tekanan, pengaruh media dan ingin mendapatkan perhatian. Dapatan yang sama diperoleh dalam kajian Rozmi (2004) dalam Zakiyah

Jamaluddin (2008) yang mendapati rakan sebaya mempunyai hubungan yang positif terhadap perlakuan lumba haram.

### **Persekitaran**

Selain faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas, pengaruh persekitaran lebih banyak mempengaruhi secara luaran. Hal ini ditambah dengan keadaan persekitaran kini yang telah jauh berubah dari segi semangat kekitaan dan tolong menolong. Umpamanya hari ini jiran tetangga dan masyarakat sudah tidak lagi mengambil tahu hal anak jiran mereka kerana bimbang dikata jaga tepi kain orang. Masyarakat hanya memandang sahaja tidak seperti masa lalu, jiran tetangga turut memberi nasihat kepada anak-anak muda yang tinggal berjiran dengan rumah mereka. Antara sebab utama keadaan ini berlaku adalah kerana merosotnya institusi kejiranan dan lemahnya institusi kekeluargaan.

Wujudnya budaya kuning barat seperti *rap*, *rockers*, budaya lepak, penyalahgunaan dadah dan seks bebas yang menjadi ikutan pelajar secara membuta tuli tanpa memikirkan akibatnya. Kajian oleh Azlina et al. (2007) menyimpulkan bahawa faktor-faktor persekitaran boleh mempengaruhi konsep sendiri remaja, hubungan sosial dan keadaan psikologi remaja. Keadaan dalam rumah, hubungan kekeluargaan dan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan anak-anak akan memberi impak yang besar terhadap perkembangan anak-anak remaja mereka.

### **Pengaruh Media Massa**

Pengaruh media massa yang merangkumi media cetak dan elektronik memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat. Antara bentuk media massa iaitu radio, televisyen, video, pawagam, majalah, akhbar dan Internet, secara tidak langsung memberi ilmu pengetahuan dan tidak ketinggalan juga memberi impak negatif. Media massa seperti televisyen dan Internet kini mempunyai pengaruh yang sangat meluas terutama terhadap golongan remaja. Pelbagai konsep dan cara hidup seperti cara hidup '*happy go lucky*', melepak, mengunjungi pesta hiburan, seks bebas dan sebagainya adalah termasuk dalam istilah budaya hedonisme. Budaya hedonisme hanya mementingkan kepuasan nafsu tanpa wujudnya sebarang panduan atau batasan tertentu terutamanya ajaran agama. Gejala ini timbul lagi adalah berikutan kegagalan manusia memahami konsep ajaran agama yang menekankan keseimbangan antara keseronokan nafsu dan pertimbangan akal fikiran.

Melalui media massa, unsur-unsur budaya hedonisme yang memaparkan budaya suka berhibur secara berlebihan di samping pelbagai aksi ganas boleh ditonton dengan bebas termasuk oleh golongan remaja yang masih di bangku sekolah. Budaya ini begitu cepat menular dalam kalangan remaja yang begitu mudah terpengaruh dengan keseronokan dan aktiviti yang dianggap dapat menghilangkan rasa bosan

terutama remaja yang tinggal di bandar-bandar besar. Dengan kemunculan pelbagai pusat hiburan dan kebebasan media yang tidak dikawal ketat, unsur-unsur budaya hedonisme merebak dengan pantas tanpa disedari oleh mereka. Keadaan bertambah buruk apabila penyalahgunaan dadah begitu berleluasa termasuklah penggunaan pil *Ecstasy* yang semakin berleluasa digunakan oleh remaja pada masa ini. Media massa juga memaparkan dan menjadi perantara pengaruh sama ada daripada artis tempatan mahupun dari luar negara yang turut memainkan peranan dalam masalah sosial remaja. Semua perbuatan dan cara berpakaian cuba diikuti oleh peminat-peminat mereka yang majoritinya terdiri daripada para remaja. Mereka terlalu meminati artis tersebut dan meletakkan artis sebagai idola mereka yang merupakan patung moden.

Perangkaan menunjukkan bahawa golongan pelajar adalah golongan yang paling tinggi terlibat dalam gejala sosial. Masalah gejala sosial dengan gejala sosial yang lain saling berkait rapat antara satu dengan lain, justeru cara penyelesaiannya juga bukan sahaja tidak boleh dilakukan secara terpisah malahan perlu menggunakan pelbagai pendekatan secara bersepadu yang membabitkan keseluruhan anggota masyarakat. Misalnya pelajar bermasalah ponteng akan berpotensi terdedah kepada masalah melepak di pasar raya, *cyber cafe*, menghisap rokok, mencuri dan seterusnya melakukan jenayah yang lebih serius seperti melakukan pergaulan bebas dan seks bebas. Sedikit masa lalu masyarakat Malaysia telah digemparkan/dikejutkan dengan kisah empat remaja perempuan yang melakukan seks bebas di Kedah. Hasil penyiasatan mendapati bahawa keempat-empat remaja tersebut mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah. Tiga daripada empat remaja tersebut datang daripada keluarga yang bermasalah iaitu kematian ibu bapa sejak kecil menyebabkan mereka dipelihara oleh keluarga terdekat. Kekosongan jiwa kerana kehilangan ibu bapa telah menyebabkan remaja terbabit menjadi liar dan mencari keseronokan di luar rumah.


Hal ini menepati pandangan Erikson seorang ahli psikologi terkemuka, remaja diperingkat usia 13 dan 18 tahun sangat dipengaruhi oleh rakan sebaya, kenalan, persekolahan. Walaupun sekiranya ibu bapa menjaga mereka dalam persekitaran yang ideal berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang baik, lemah lembut dan bertoleransi, bertakwa dan berkasih sayang, remaja ini akan mendapat satu kejutan budaya apabila keluar daripada persekitaran keluarga di rumah.

## **MENANGANI DELINKUEN PELAJAR**

Melihat betapa seriusnya delinkuen dalam kalangan pelajar/remaja pada masa ini, maka usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan perlu dilakukan bagi mengatasi masalah yang sudah sedia wujud. Usaha-usaha menangani delinkuen dalam kalangan pelajar/remaja adalah suatu amanah yang mesti dipikul bersama oleh setiap pihak. Pengaruh rakan sebaya dan kesedaran dalam pergaulan boleh dijadikan garis

panduan kepada remaja dalam memilih kawan. Didikan agama dan tahap keimanan yang tipis dalam kalangan anak-anak menyebabkan mereka mudah dipengaruhi dan mudah hilang pertimbangan dengan memilih jalan hidup yang menggelapkan masa hadapan mereka sendiri. Menurut ajaran Islam, mencegah kemungkaran adalah menjadi kewajipan setiap penganutnya kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Berusahalah menangani masalah ini sebelum nasi menjadi bubur. Oleh itu kes-kes delinkuen yang telah berlaku dan merebak dalam masyarakat juga perlu ditangani dengan segera.

Makalah ini mengemukakan satu model Pembangunan Sahsiah Pelajar/Remaja Muslim Bersepadu bagi menangani delinkuen dalam kalangan pelajar di Malaysia. Model ini melibatkan peranan semua pihak yang berkepentingan dalam masyarakat termasuk ibu bapa, sekolah, Kementerian Pelajaran, institusi sosial seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru, badan-badan NGO, Institusi Masjid, media massa, badan kebajikan perumahan dan pihak keselamatan khususnya pasukan polis dan akhir sekali penguatkuasa undang-undang.



RAJAH 1 Model Pembangunan Sahsiah Pelajar/Remaja Muslim Bersepadu

## **Penerapan dan Pengamalan Ajaran Islam**

Didikan agama dan tahap keimanan yang tipis dalam kalangan anak-anak menyebabkan mereka mudah dipengaruhi dan mudah hilang pertimbangan dengan memilih jalan hidup yang menggelapkan masa hadapan mereka sendiri. Mengikut ajaran Islam, mencegah kemungkaran adalah menjadi kewajipan setiap penganutnya, namun begitu kes-kes delinkuen yang telah berlaku dan merebak dalam masyarakat juga perlu ditangani dengan segera.

Penerapan asas agama lebih mudah dilakukan ketika anak-anak masih kecil. Bagi orang Islam asas fardu ain, perkara akidah dan keimanan seperti mengenali Allah dan Rasul, mendirikan solat, membaca, memahami al-Quran dan mengamalkannya perlu diterapkan lebih awal kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Penerapan dan pengamalan ajaran agama mempunyai hubung kait yang kuat dengan keberkesanan institusi keluarga. Pembabitan aktif generasi muda dalam kegiatan kokurikulum seperti rakan muda, gerakan belia, kelab remaja, kelab rekreasi dan peraturan dapat memberi pendedahan awal dalam bidang pembinaan sahsiah dan kepimpinan. Pembabitan aktif remaja dalam aktiviti sukan dan aktiviti lasak dapat merangsang kecergasan dan daya fikir yang akan membantu remaja mampu memberi sumbangan tenaga, masa, dan fikiran di samping mengelakkan mereka daripada unsur-unsur yang mengkhayalkan, lepak dan hiburan melampau.

## **Sistem Pendidikan yang Berkesan**

Walaupun pelbagai transformasi telah dilakukan terhadap sistem pendidikan negara, namun matlamat untuk melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta berpegang teguh kepada ajaran agama seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menghadapi pelbagai halangan dan cabaran. Antara cabaran yang dihadapi ialah sistem pendidikan masih lagi berorientasikan peperiksaan. Penekanan berlebihan terhadap matlamat peperiksaan akan hanya melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan tinggi tetapi tidak dapat melahirkan insan yang mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik sebagaimana dikehendaki dalam ajaran Islam. Sebaliknya sistem pendidikan yang dilaksanakan mestilah mampu melahirkan manusia yang terdidik sedangkan bentuk lahiriah sistem pendidikan yang dilaksanakan boleh berubah mengikut keperluan semasa masyarakat tanpa mengorbankan prinsip asas pendidikan Islam.

Dalam konteks transformasi kurikulum, transformasi membawa maksud proses melakukan satu bentuk perubahan yang holistik berdasarkan kurikulum persekolahan sedia ada dengan cara meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dan pendidikan rendah agar lebih relevan dengan cabaran kini dan cabaran abad ke-21. Kejayaan transformasi kurikulum memerlukan komitmen menyeluruh daripada semua pihak termasuk pembuat dasar, pelaksana, pengurus kurikulum, ibu bapa

serta pihak berkepentingan. Sistem pendidikan negara melalui transformasi penting mulai tahun 2010 apabila tidak lagi bergantung 100 peratus kepada peperiksaan bagi menentukan gred pelajar.

Bagi tujuan tersebut, Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) akan diperkenalkan yang memasukkan kecerdasan akademik, sahsiah pelajar dan penglibatan dalam kokurikulum sebagai penentu gred peperiksaan awam. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ia akan dimulakan dengan murid prasekolah dan tahun satu. SPPK akan menyebabkan penumpuan terhadap peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dikurangkan.

Persekitaran dunia yang semakin hari semakin kompleks dan mencabar menuntut generasi dan anak bangsa masa hadapan dibekalkan dengan keupayaan mapan mengharungi apa juga rintangan yang menerjah. Peranan dan fungsi guru dipandang tinggi dan diiktiraf bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah malah sebagai agen perubahan. Guru bertindak sebagai pencetus dan penggerak kepada proses transformasi sistem pendidikan negara dalam usaha melahirkan generasi masa depan yang berintelek, berdaya saing, berjati diri kukuh dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai sejagat.

### **Peranan Institusi Keluarga**

Keluarga merupakan satu-satunya institusi sosial yang dapat membentuk tingkah laku dan dapat mengarahkan aktiviti sosial yang sesuai mengikut perkembangan anak-anak. Kegagalan ibu bapa menyempurnakannya dengan baik, akan menyebabkan kepincangan keluarga dalam masyarakat, justeru ibu bapa perlu diberi kefahaman yang jelas tentang peranan mereka dalam mendidik anak-anak. Pembentukan keperibadian mulia anak-anak bermula daripada institusi keluarga.

Abu Hurairah berkata; “Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda: Seorang bayi tidak dilahirkan (ke dunia ini) melainkan ia berada dalam kesucian (fitrah). Kemudian kedua orang tuanyalah yang akan membuatnya menjadi Yahudi, Nasrani, dan musyrik”. Ditanyakan “wahai Rasulullah! Bagaimana anak yang mati sebelum demikian itu? Baginda bersabda: Allah lebih mengerti terhadap apa yang mereka kerjakan”.

(Hadis riwayat al-Tirmidhi, terjemahan Sunan al-Tirmidhi, Bab-bab tentang qadar daripada Rasulullah, Bab 5 Tentang setiap anak yang lahir itu dilahirkan dalam keadaan Islam, hadis ke 2223:635)

Sesebuah keluarga dibentuk dengan peranan ibu bapa masing-masing. Kebanyakan ibu bapa kini yang terlalu mementingkan kerjaya sehingga menyebabkan anak-anak mereka di rumah berasa tersisih seperti anak kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan. Oleh hal yang demikian, ibu bapa haruslah mengimbangi antara kerjaya dengan kehidupan seharian agar anak-anak mendapat didikan yang baik dari segi fizikal dan mental. Ibu bapa seharusnya sedar bahawa situasi kaya dalam kebendaan tetapi mufliis dari segi keperibadian akan secara tidak langsung memberi impak negatif terhadap anak-anak mereka. Oleh itu, keluarga terutamanya ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk keperibadian anak-anak. Ibu bapa haruslah memberi didikan dan asuhan yang baik sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Anak-anak tentunya dapat mengimplementasikan nilai-nilai murni dan sikap positif ini dalam kehidupan seharian, seterusnya membentuk sanubari yang baik. Ibu bapa merupakan *uswah hasanah* kepada anak-anak di rumah. Oleh hal yang demikian mereka mestilah sentiasa bersikap penyayang dan berbudi pekerti mulia dan jangan sesekali menjadi seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus, sedangkan diri sendiri berjalan mengiring. Sudah terang lagi bersuluh bahawa jati diri anak-anak dapat dibentuk melalui peranan institusi keluarga khususnya ibu bapa yang memainkan peranan penting.

Di samping itu, anak-anak yang berfikiran suci akan sentiasa mencontohi kelakuan ibu bapa mereka, ibarat bapa borek, anak rintik. Ibu bapa merupakan tempat luahan isi hati dan penyimpanan rahsia yang paling dipercayai anak-anak, justeru ibu bapa sewajarnya mengindoktrinasikan pucuk-pucuk hijau ini bagai menatang minyak yang penuh kerana anak-anak remaja kini sering melibatkan diri dalam kebejatan sosial dan budaya hedonisme yang begitu cepat merebak bagai virus epidemik. Melalui nasihat dan ajaran yang baik, sudah tentu anak-anak akan mengetahui cara-cara untuk membezakan antara intan dan kaca kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Institusi keluarga memang merupakan satu langkah yang signifikan dalam membentuk keperibadian anak-anak. Sikap-sikap yang positif haruslah disemai dalam jiwa anak untuk menjamin kesejahteraan hidup dan pembentukan keperibadian mulia mereka. Anak-anak yang ibarat berusia setahun jagung, berdarah setampuk pinang ini mesti diberi penekanan dari segi mental dan fizikal supaya kelak dapat menjadi tunggak negara.

Keluarga merupakan mercu tanda kemakmuran negara. Ibu bapa mestilah menjalankan peranan masing-masing secara *istiqamah* agar tidak seperti ‘hangat-hangat tahi ayam’. Jikalau anak-anak kini berjaya membentuk keperibadian yang mulia, sudah tentu anak remaja yang merupakan pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara ini dapat menjadi pemimpin yang berkaliiber kelak. Peranan ibu bapa dalam mendidik anak adalah tanggungjawab yang besar dalam melahirkan insan yang *soleh* dan *solehah*.

## **Peranan Institusi Sosial**

Institusi sosial memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif bagi melahirkan remaja/pelajar yang mempunyai sahsiah yang tinggi selari dengan kehendak ajaran Islam. Institusi kekeluargaan berperanan memberikan asas-asas menanamkan nilai-nilai yang baik dan dapat membentuk budi pekerti anak-anak seperti jujur, amanah, rajin berusaha, suka membantu, dan bertanggungjawab yang sangat ditekankan oleh ajaran Islam. Di samping sikap-sikap tersebut, sekiranya ibu bapa memberikan perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak serta diperkukuh dengan pendidikan agama, maka pemahaman tersebut dapat melahirkan remaja/pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik. Hal ini bermakna pembinaan sahsiah dan sikap yang baik dapat dipupuk oleh ibu bapa dan keluarga pada peringkat yang lebih awal.

Tanggungjawab memberi kefahaman kepada ibu bapa berkaitan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak perlu dilakukan oleh institusi sosial seperti masjid, surau melalui khutbah Jumaat, program kaunseling, ceramah, dan kursus-kursus motivasi keibubapaan. Peranan ini juga boleh dimainkan oleh badan kebajikan perumahan setempat, dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Selama ini badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan beberapa pertubuhan lain sudah pun mengorak langkah bukan sahaja memberikan kesedaran terhadap masyarakat, ceramah kesedaran, program motivasi malah menubuhkan pusat perlindungan wanita yang dibuang keluarga, teraniaya, mengandung anak luar nikah walaupun dengan sumber kewangan, tenaga dan keupayaan yang terhad.

Institusi sosial seperti masjid, surau perlu memainkan penglibatan aktif menarik golongan belia kembali kepada penghayatan Islam sebenar. Jammul Azhar Mulkan (2010) menyarankan masjid dan surau perlu menjadi pusat penyelesaian komuniti dengan menyediakan pelbagai kemudahan pemulihan penagihan dadah, seks bebas, arak, judi dan merempit di samping menjadi pusat bimbingan dan kaunseling keibubapaan, konflik rumah tangga dengan tenaga-tenaga profesional yang boleh diperolehi melalui semangat sukarelawan dalam kalangan ahli-ahli profesional yang merupakan ahli-ahli kariah masjid berkenaan.

Selain institusi masjid dan surau, perpustakaan awam daerah dan negeri juga boleh membendung budaya lepak dalam kalangan remaja/pelajar yang akhirnya menjerumuskan mereka ke dalam delinkuen atau salah laku sosial yang lebih serius. Apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor melalui penjenamaan semula perbadanan perpustakaan awam Selangor termasuk mengecat semula bangunan perpustakaan awam dengan warna-warna yang ceria dan mengadakan pelbagai kemudahan serta aktiviti seperti menyediakan kemudahan *cafe* dengan ‘slogan jom lepak di library’ dan ‘perpustakaan rumah kedua ku’ perlu dicontohi oleh semua



perpustakaan negeri dan daerah di Malaysia. Sekiranya perpustakaan sebagai gedung ilmu pengetahuan berjaya menarik remaja untuk menimba ilmu pengetahuan di dalamnya, maka ini boleh menghalang remaja daripada membuang masa dan lepak di pasar raya dan pusat-pusat hiburan.

Di samping institusi kekeluargaan, agen-agen persekitaran, contohnya jiran tetangga dan masyarakat akan mempengaruhi individu bagi membentuk nilai dan tingkah laku. Persekitaran dan budaya yang menekankan nilai integriti ini akan memberi persekitaran yang kondusif kepada individu supaya tidak menyimpang dalam tingkah lakunya. Persekitaran yang kondusif akan berlaku apabila setiap anggota masyarakat tahu peranan masing-masing dan mengamalkan nilai dan etika yang murni, sementara penguatkuasaan terhadap gejala sosial, penyelewengan dan salah guna kuasa pula semakin berkesan apabila usaha-usaha pencegahan telah dimulakan lebih awal.

Media juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan iklim yang dapat membantu memberikan maklumat yang berguna. Alat-alat media massa yang liputannya menyeluruh seperti televisyen, surat khabar, internet dan majalah sangat berpengaruh. Dalam masyarakat yang bermaklumat, media mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam menentukan rupa bentuk masyarakat yang mahu dilahirkan. Oleh itu bagi melahirkan remaja/pelajar yang mempunyai sahsiah yang tinggi, maklumat-maklumat yang disebarkan mestilah tepat. Nilai-nilai yang disebarkan oleh media memainkan peranan penting dalam mempengaruhi nilai-nilai yang akan menjadi pegangan masyarakat. Selain itu media massa perlu menjadi medium yang bertanggungjawab mendidik masyarakat dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata dengan memaparkan bahan-bahan berita yang boleh mempengaruhi golongan muda dengan unsur-unsur negatif budaya barat. Sebaliknya mereka bertanggungjawab mendidik masyarakat dengan nilai-nilai moral dan nilai-nilai yang dapat mengembangkan minda generasi muda menghargai budaya ilmu yang tinggi. Sekiranya media dapat menggarap fungsinya dengan baik dan berkesan, barulah generasi yang celik agama dan menjunjung budaya yang tinggi dan terpuji dapat dilahirkan.

Peranan badan-badan bukan kerajaan (NGO) terutama badan-badan dakwah dan persatuan belia bumiputera/Islam penting untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap masyarakat termasuk golongan remaja terhadap penghayatan nilai-nilai dan etika Islam dalam setiap aspek kehidupan. Justeru penekanan terhadap nilai-nilai, tatasusila yang bersesuaian dengan nilai dan etika Islam boleh disebarkan melalui pendekatan ceramah, seminar, konvensyen, lawatan, media cetak dan media elektronik. Kesepaduan fungsi institusi pendidikan tak formal ini boleh menjadi penggerak kepada lahirnya remaja/pelajar Muslim yang berbudi pekerti yang mulia, dan bermaklumat.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, melalui penulisan ini dapat dibuat kesimpulan bahawa tingkah laku delinkuen remaja/ pelajar walaupun dilihat daripada beberapa dapatan kajian belum berada pada tahap serius, namun perlu kepada penyelesaian secara menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak. Oleh itu sewajarnya cadangan dalam model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim ini diguna pakai sepenuhnya. Sebagai ibu bapa, mereka perlu menyediakan sistem keluarga yang kukuh agar anak-anak tidak mencari kasih sayang yang hilang itu di luar rumah. Untuk itu, penerapan dan pengamalan ajaran Islam perlu diteruskan iaitu dengan memantapkan pegangan terhadap ajaran Islam. Pihak Kementerian Pendidikan pula haruslah mewujudkan sistem pendidikan yang berkesan iaitu dengan melahirkan kesepaduan antara ilmu fardu ain dan akhlak, selain mengurangkan pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan.

Pihak kerajaan juga seharusnya mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang melalui Jabatan Agama Islam, Jabatan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam melaksanakan sistem pendidikan, pihak sekolah boleh menerapkan ajaran Islam yang teguh bagi membina jiwa pelajar yang kental dalam menghadapi arus globalisasi dunia tanpa sempadan ini. Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah boleh membantu dalam hal ini. Hal ini kerana, guru bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, malah sebagai pencetus transformasi kepada pelajar. Dalam hal ini, institusi sosial seperti institusi masjid, media massa, NGO/Pertubuhan Belia dan pihak perpustakaan awam boleh membantu menyediakan persekitaran yang kondusif kepada remaja yang menggunakan perkhidmatan mereka. Institusi masjid misalnya, boleh dijadikan pusat penyelesaian komuniti seperti menyediakan kemudahan beriadah, mempelajari al-Quran dan Fardu Ain serta menyediakan ilmu keibubapaan kepada masyarakat sekitar, melalui ceramah-ceramah. Dengan penggabungan peranan pelbagai pihak boleh membantu mengurangkan masalah delinkuen pelajar dan seterusnya dapat menyediakan generasi pewaris bangsa yang mampu menerajui kepimpinan negara.

## RUJUKAN

- Abdullah Nashih Ulwan. 1990. *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Jilid 1-2. Semarang: Klang Book Centre.
- Azizi Yahya et. al. 2009. Discipline Problem Among Secondary School Students in Johor Bahru, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. Volume 11, Number 4.
- Azlina A.M., Raja Zirwatul Aida & Siti Aisyah Saat. 2007. *Kebimbingan Akademik dan Kerjaya serta Hubungan Kekeluargaan: Satu Tinjauan*

- Terhadap Golongan Remaja di luar bandar. *Malaysian Journal of Social Administration* Volume 4: 77-86.
- Badruzaman. 2006. Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkahlaku devien remaja di daerah Pontian Johor. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Ismail bin Ibrahim. 1993. *Terjemahan Hadith Shahih Bukhari*. (Edisi Malaysia) Jilid 1, 11 & 111, Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Delinkuen Remaja: '*African-American*' Sebagai Bandingan. Rencana Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dimuat turun pada 7 Jun 2010 daripada laman web dunia <http://yadim.com.my>
- Husin Junoh. 2011. Faktor-faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di daerah Kota Tinggi Johor. Tesis Phd. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Jamnul Azhar Mulkan. 2010. Peranan Institusi Masjid Dalam Menangani Gejala Sosial. Kertas Kerja Seminar Pendekatan Undang-undang Islam di Malaysia dalam Menangani Gejala Sosial, anjuran Seksyen Syariah Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara, 29 Jun.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2013. Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemanusiaan. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Abdul Kadir. 1997. *Panduan Rumahtangga Islam*. Johor Bahru: Johabersa.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *Fiqh Daulah* (terj. Karthur Suhardi). Jakarta: Pustaka al-Kausar.
- al-Qurtubi, Abi Abu Abdullah. 1967. *Al-Jami li Ahkām al-Quran*. Kaherah: DarulKitab al-Arabi al-Tiba ah Wan Nashr.
- Susaladevy a/p Mthusamy. 2004. Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah. Tesis Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- at-Tirmidhi, Mohammad Isa bin Sawarah. 1993. *Tarjamah Sunan at-Tirmidhi*. (terj. Oleh H. Moh. Zuhri). Jilid 3. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Utusan Malaysia*. 2010. Relevankah 'jaga tepi kain orang'? 30 April.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. 2010.

Zakiyah Jamaluddin. 2008. Kemudahan Kafe Siber dan Penularan Salah Laku Remaja. The 6<sup>th</sup> International Malaysian Studies Conference (MSC6) Malaysian Social Science Association (PSSM), University Malaysia Sarawak dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Crown Plaza Hotel Kuching Sarawak. 5-7 August. 2008.